

Headline	Aaron bantu penghidap HIV, AIDS		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Sep 2014	Color	Full Color
Section	Rap	Circulation	825,000
Page No	R12	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	616 cm ²
Journalist	Syantya Octavia Amry	AdValue	RM 23,796
Frequency	Daily	PR Value	RM 71,388



Aaron bantu penghidap HIV, AIDS

Lelong barang berharga daripada koleksi peribadi untuk kutip dana

Oleh Syantya Octavia Amry
soctavia@hmetro.com.my

Yayasan AIDS Malaysia menerusi satu kolaborasi amal dengan Hotel Renaissance Kota Bharu, Kelantan buat julung kalinya mempersembahkan Majlis Resepsi Amal Bersama Selebriti Sokongan Riben Merah, Aaron Aziz.

Majlis yang akan berlangsung di hotel berkenaan pada malam ini bertujuan meraih dana untuk pembangunan dan pelaksanaan program rawatan, penjagaan dan sokong bantu HIV & AIDS termasuk pembinaan rumah perlindungan HIV pertama di Kelantan.

Pengurus Media dan Komunikasi Yayasan AIDS Malaysia, Zaki Arzmi berkata, Aaron selaku Selebriti Sokongan Riben Merah Yayasan AIDS Malaysia sudi menzahirkan keprihatinan selepas meninjau situasi semasa HIV dan AIDS yang melanda Kelantan.

"Yayasan AIDS Malaysia menerusi rakan pelaksana program di Kelantan mendapati orang yang hidup dengan HIV di negeri itu rata-rata kurang berkemampuan dan masih terlalu ramai antara mereka yang tercicir dari segi rawatan dan penjagaan disebabkan kurangnya kemudahan untuk memelihara kesihatan dan kebajikan mereka.

"Situasi ini bertambah buruk apabila sebilangan besar daripada mereka disisihkan keluarga dan masyarakat disebabkan stigma dan diskriminasi sehingga terpaksa hidup melarat. Kalau kes dirujuk kepada pertubuhan kebajikan, mereka akan dihantar ke rumah perlindungan di negeri jiran atau sejauh Kuala Lumpur untuk menjalani rawatan dan rehabilitasi, namun ini ketakluk kepada kekosongan yang ada kerana kapasiti sesebuah rumah perlindungan amat terhad," katanya.

Katanya, selain mengatasi kekurangan perkhidmatan kesihatan berkaitan HIV, situasi jangkitan HIV baru dalam kalangan wanita yang kian meruncing juga antara isu yang akan ditangani menerusi program amal ini. Di Malaysia, nisbah jangkitan HIV baru wanita kepada lelaki meningkat 1:4 berbanding 1:10 dalam tempoh hanya satu dekad ini.

"Sebahagian daripada dana yang diraih pada malam Majlis Resepsi Amal ini akan disalurkan kepada program pemerkasaan HIV khusus untuk wanita di Kelantan yang antara lain bertujuan meningkatkan pengetahuan mereka tentang HIV dan kesihatan seksual dan reproduktif, memastikan ibu-ibu mengandung memanfaatkan program pencegahan transmisi HIV ibu kepada anak dan mempertahankan hak-hak wanita untuk mendapatkan perlindungan, keselamatan dan akses kepada rawatan HIV dan perkhidmatan kesihatan lain," katanya.

Difahamkan penaung Majlis Resepsi Amal ini adalah Tengku Abdul Halim Sultan Ibrahim iaitu Tengku Laksamana Kelantan.

Resepsi amal yang mengisi kalendar majlis di Kelantan ini bakal menghimpunkan 100 orang tetamu termasuk kerabat diraja, tokoh korporat dan usahawan tempatan serta individu lain yang prihatin terhadap isu kemasyarakatan ini.

Aaron juga bakal melelong beberapa item berharga daripada koleksi peribadinya sendiri untuk mengutip dana akan menjadi pengisian utama majlis. Tetamu pula akan dihiburkan oleh penampilan dan persembahan khas seperti Fahrin Ahmad, Bob Yusof dan Hafiz Hamidun.

Renaissance Kota Bharu Hotel yang menaja sepenuhnya acara ini menyifatkan kolaborasi amal ini satu detik pembuka mata dan minda kepada realiti komuniti setempat.

Pengurus Besarinya, Izudin Merican, berkata: "Sebagai peneraju industri hospitaliti di negeri Kelantan, kami berhasrat untuk menyediakan tempat perlindungan kepada mereka yang kurang bernasib baik, sama seperti layanan yang kami berikan kepada tetamu yang datang berteduh di bawah bumbung kami. Kami juga berharap agar lebih banyak lagi industri dan syarikat-syarikat tempatan mengikut jejak langkah kami dan turut serta menghulurkan sumbangan. Semoga majlis amal ini dapat membuka jalan kepada pembinaan rumah perlindungan seperti yang dirancang sekaligus meringankan bebanan rakyat yang hidup dengan HIV di Kelantan."

Sejak 1986, HIV menjejaskan kehidupan lebih 101,672 penduduk Malaysia dan menyebabkan 16,340 kematian berkaitan AIDS. Sejumlah 3,393 kes jangkitan HIV baru telah dilaporkan pada 2013 dan 207 daripadanya berlaku di Kelantan.

Yayasan AIDS Malaysia amat mengalu-alukan sumbangan ikhlas untuk mengubah nasib rakyat Kelantan yang hidup dengan HIV yang kurang berkemampuan. Setiap sumbangan bernilai RM50 dan ke atas layak menerima resit pengecualian cukai. Untuk maklumat lanjut tentang Majlis Resepsi Amal Bersama Aaron Aziz atau membuat sumbangan, sila hubungi Yayasan AIDS Malaysia menerusi talian 03-40474257 (Arif).

Headline	Aaron bantu penghidap HIV, AIDS		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Sep 2014	Color	Full Color
Section	Rap	Circulation	825,000
Page No	R12	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	616 cm ²
Journalist	Syanty Octavia Amry	AdValue	RM 23,796
Frequency	Daily	PR Value	RM 71,388

“Situasi ini bertambah buruk apabila sebilangan besar daripada mereka disisihkan keluarga dan masyarakat disebabkan stigma dan diskriminasi sehingga terpaksa hidup melarat”

Zaki Arzmi



HAFIZ

Headline	Aaron bantu penghidap HIV, AIDS		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Sep 2014	Color	Full Color
Section	Rap	Circulation	825,000
Page No	R12	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	616 cm ²
Journalist	Syanty Octavia Amry	AdValue	RM 23,796
Frequency	Daily	PR Value	RM 71,388



BOB

Headline	Aaron bantu penghidap HIV, AIDS		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Sep 2014	Color	Full Color
Section	Rap	Circulation	825,000
Page No	R12	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	616 cm ²
Journalist	Syanty Octavia Amry	AdValue	RM 23,796
Frequency	Daily	PR Value	RM 71,388

